

SIARAN MEDIA

MERDEKA SUKACIPTA: MERAIKAN PERPADUAN MELALUI SENI DAN KREATIVITI

16 SEPTEMBER 2023 – Balai Seni Negara hari ini mengadakan program Merdeka Sukacipta, bersempena sambutan Hari Malaysia 2023 dan sambutan bulan kemerdekaan yang ke-66 pada tahun ini. Merdeka Sukacipta merupakan inisiatif Balai Seni Negara yang bertujuan menyemarakkan semangat kecintaan terhadap negara serta meraikan semangat perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia melalui pelbagai aktiviti seni dan kebudayaan.

Program ini berlangsung pada 16 dan 17 September 2023 bertempat di Balai Seni Negara, Kuala Lumpur dan telah mendapat kerjasama daripada Nestle Milo, Gardenia, Farm Fresh, Gempak Starz dan Institut Jantung Negara (IJN). Majlis perasmian disempurnakan oleh YBrs. Dr Christina Yeo Ken Yin, Setiausaha Bahagian, Bahagian Hubungan Antarabangsa Kebudayaan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) serta turut dihadiri oleh YBrs. Encik Amerrudin Ahmad, Ketua Pengarah Balai Seni Negara, pegawai-pegawai kanan MOTAC, jabatan dan agensi.

Pelbagai aktiviti menarik diadakan sepanjang program berlangsung. Antaranya Pertandingan Mewarna dan Melukis Kanak-Kanak “Merdeka Sukacipta”, Pertandingan Kostum Kreatif dan Pertandingan Seni Melukis Figuratif.

Bagi Pertandingan Mewarna dan Melukis Kanak-Kanak “Merdeka Sukacipta”, ia dibahagikan mengikut lima kategori iaitu Mewarna (OKU), Mewarna (6 tahun), Mewarna (7 – 9 tahun), Mewarna dan Melukis (10 – 12 tahun) serta Melukis (13 – 15 tahun). Manakala Pertandingan Kostum Kreatif pula terbuka kepada warganegara berumur 6 tahun ke atas mengikut kategori umur. Sementara itu, Pertandingan Seni Melukis

Figuratif yang diadakan pada hari kedua program adalah terbuka kepada warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas.

Selain pertandingan, Merdeka Sukacipta turut dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti menarik seperti persembahan pentas oleh Amir Jahari, Elmontaro dan Leaism, bazar jualan, Program Saringan Kesihatan, Jualan *Car Boot*, *Foodtruck*, *Pound Rockout*, *Wall Climbing*, *Skateboard Clinic*, Zumba dan *Busking*. Orang ramai turut berpeluang untuk melawat galeri Balai Seni Negara yang dibuka sehingga jam 10.00 malam pada hari ini dan masuk adalah percuma.

Program Merdeka Sukacipta yang menerima hampir 1,000 penyertaan pertandingan dengan kehadiran yang dijangka melebihi 5,000 pengunjung ini dilihat mampu menjadi wadah terbaik untuk mengukuhkan perpaduan masyarakat serta membina semangat patriotisme dalam kalangan generasi muda.

Untuk maklumat lanjut, ikuti media sosial rasmi Balai Seni Negara atau layari laman sesawang www.artgallery.gov.my

Dikeluarkan:

**Unit Komunikasi Korporat
BALAI SENI NEGARA, MALAYSIA**

No. 2 Jalan Temerloh, Off Jalan Tun Razak, 53200 Kuala Lumpur

Tel.: 03-40267000 Fax: 03-40244998

E: ukk@artgallery.gov.my W: www.artgallery.gov.my

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Balai Seni Negara:

Sarifah Abu Bakar Ebau

T: +60 16 494 7921

E: sarifah@artgallery.gov.my

Intan Syazwina Suhaimi

T: +60 19 998 5884

E: syazwina@artgallery.gov.my